

3 keluarga di Kampung Bukit Lanjan resah setiap kali hujan

Sebulan 8 kali dilanda banjir

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**
kota@utusanangroup.com.my

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Setiap kali awan gelap berarak di ruang udara Kampung Bukit Lanjan di sini, tiga keluarga yang menetap di kampung itu akan mula resah.

Mana tidaknya, setiap kali hujan, tidak sampai beberapa jam pasti rumah mereka akan dinaiki air, yang boleh mencecah ketinggian lebih satu meter.

Malah, menurut mereka pada bulan ini sahaja sudah lapan kali kawasan rumah mereka dilanda banjir.

Mereka mendakwa bencana alam itu mula berlaku sejak projek pembinaan sebuah pusat beli-belah dijalankan di belakang kawasan rumah mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan tersebut hari ini mendapati sampah, besi dan bahan binaan daripada projek berkenaan dibuang ke dalam anak sungai yang terletak di belakang rumah keluarga tersebut.

Selain itu, sisa konkrit turut dihumbankan ke dalam anak sungai itu sehingga menghalang aliran air dan menyebabkan air melimpahi tebing dengan cepat apabila hujan.

Menurut penduduk, ketika banjir mereka terpaksa menumpang di rumah-rumah jiran sementara me-

nunggu air surut.

Norhisham Salih, 30, berkata, biarpun sebelum ini mereka sering dilanda banjir namun tidak seteruk yang dihadapi akhir-akhir ini.

"Sejak projek pembinaan itu bermula, tidak kira hujan lebat atau tidak pasti rumah kami akan dinaiki air.

"Kami sudah penat mencuci perabot dan pakaian yang kotor akibat banjir," katanya.

Abangnya, **Nor Azli Salih**, 36, berkata, sebelum projek pembinaan itu bermula, kira-kira seratus buah keluarga telah dipindahkan ke perumahan Damai dan hanya tiga keluarga mereka sahaja tidak dipindahkan kerana kawasan rumah mereka tidak terlibat dengan projek berkenaan.

"Memanglah rumah kami tidak berada dalam kawasan projek itu, namun jarak antara rumah kami dengan projek pembinaan tersebut sangat dekat.

"Pemilik tanah projek berkenaan sepatutnya memindahkan semua keluarga biarpun tidak berada dalam kawasan mereka, dan kini kesan yang kami terima sangat buruk," ujarnya.

Malah, katanya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga tidak mengambil apa-apa tindakan biarpun aduan sudah kerap kali dibuat kepada mereka.



NOR Azli Salih menunjukkan sampah sarap yang tersangkut pada pokok di tebing anak sungai di belakang rumahnya sebagai bukti ketinggian aras air setiap kali banjir kilat melanda di Kampung Bukit Lanjan di Damansara, Petaling Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID